

Malaysia lantang gesa AS berlaku adil isu Palestin, konflik Russia-Ukraine

PETALING JAYA: Malaysia lantang menggesa Amerika Syarikat (AS) secara jujur menggunakan pengaruhnya untuk menyelesaikan isu Palestin yang telah berlarutan selama 74 tahun, selain mewujudkan perdamaian konflik perang Russia-Ukraine.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, negara Palestin wujud seperti terkandung dalam resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tentang persempadanan sebelum perang 1967 dengan Baitulmaqdis sebagai ibu negara.

“Kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin tidak boleh

terus berleluasa. Malaysia merupakan satu-satunya negara yang membangkitkan isu Palestin ini secara jelas,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau sebelum itu tiba di tanah air setelah mengadakan lawatan kerja ke Washington DC bagi menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS.

Dalam sidang yang dipengerusikan oleh Presiden AS, Joe Biden, Ismail Sabri telah membangkitkan isu-isu yang menyentuh keselamatan dan dunia.

Selain isu Palestin dan konflik perang Russia-Ukraine, Malaysia turut meminta AS

dan negara-negara SEAN lain bekerjasama mencari penyelesaian isu keselamatan di Myanmar serta Laut China Selatan

Ismail Sabri menegaskan, Malaysia berpendirian konflik yang berlaku bukan sahaja menjejaskan ekonomi dunia, sebaliknya juga mengorbankan rakyat yang tidak berdosa.

“Konflik Russia-Ukraine perlu diselesaikan secara damai dan bukan dengan peperangan kerana peperangan tidak memberi apa-apa kebaikan kepada mana-mana negara, malah membawa penderitaan kepada rakyat yang tidak berdosa.

“Konflik Russia-Ukraine juga

memberi kesan ekonomi kepada negara-negara lain di seluruh dunia termasuk Malaysia.

“Malaysia menggesa AS menggunakan pengaruh mereka untuk mewujudkan perdamaian konflik Russia-Ukraine,” katanya.

Menyentuh isu Laut China Selatan, Ismail Sabri berkata, Malaysia juga berpendirian agar Laut China Selatan kekal sebagai kawasan bebas dari campur tangan kuasa besar dan kekal sebagai kawasan perdagangan bebas.

Ujar beliau, ini kerana Malaysia tidak mahu terdapatnya provokasi kuasa besar di Laut China Selatan.